



MAJLIS DAERAH KAMPAR

KENYATAAN SEBUTHARGA

- 1.0 Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga di Daerah Kampar, dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah ini:-

Bil.	No. Tawaran	Tajuk	Kelayakan Gred/ Pengkhususan	Harga Borang (RM)	Tarikh
1	MDKpr/SH/K/ 27-2021	Menaiktaraf Lampu Jalan Jenis LED Di Kawasan Pekan Kampar	G1 E11, CE21	50.00	Tarikh Iklan : 16.8.2021 Tarikh Tutup : 23.8.2021 12.00 tengahari

- 2.0. Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **16.8.2021** dengan dikenakan bayaran bagi dokumen sebut harga yang tertera.
- 3.0. Lawatan tapak tidak akan diadakan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP 3.0) ini. Prosedur pembelian dokumen sebut harga adalah dihadkan untuk satu tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan arahan PKP 3.0 dipatuhi sepenuhnya. Dokumen sebut harga boleh dibeli mulai **16.8.2021 hingga 20.8.2021** sahaja di kaunter Jabatan Kejuruteraan bermula pada jam **9.00 pagi - 12.00 tengahari** sahaja.
- 4.0. Kontraktor-kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** hadir ke Pejabat Majlis Daerah Kampar dengan membawa sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU** yang masih sah tempoh. Perlu Surat Perwakilan Kuasa hadir lawatan tapak bagi mewakili mana-mana syarikat.
- 5.0. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar, Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Pejabat Majlis Daerah Kampar tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **23 Ogos 2021**.
- 6.0. Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen sebutharga yang terendah atau sebarang dokumen sebutharga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.


(ABDUL HALIM BIN SAAD, AMP)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar,
Kampar, Perak.